



UNTUK SIARAN SEGERA

15hb November 2025

**Greenpeace Malaysia dan Save Malaysia Stop Lynas (SMSL)
Mengupas Perkembangan Terkini Lynas dan Industri Nadir Bumi di Malaysia**

KUALA LUMPUR, 15hb November 2025 — Greenpeace Malaysia dan Save Malaysia Stop Lynas (SMSL) hari ini mengadakan sidang media untuk membentangkan perkembangan terkini berkaitan operasi Lynas serta keadaan industri nadir bumi di Malaysia. Kedua-dua organisasi turut menyuarakan kebimbangan serius terhadap sikap kerajaan Malaysia yang terus berlembut terhadap Lynas dan mempertikaikan asas saintifik serta peraturan bagi kemungkinan pembaharuan Lesen Peringkat Operasi Penuh (Full Operating Stage Licence, FOSL) pada Mac 2026.

Mereka menegaskan bahawa Malaysia berisiko menjadi hab pencemaran bagi aktiviti pemprosesan nadir bumi, memandangkan pihak industri dan kerajaan terus mempromosikan sektor ini tanpa menangani sepenuhnya kesan jangka panjang sisa radioaktif, kemerosotan alam sekitar, dan kebertanggungjawaban awam. Loji Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) di Gebeng, Kuantan, merupakan salah satu fasiliti pemprosesan nadir bumi terbesar di dunia di luar China. Proses “Cracking and Leaching” di loji tersebut menghasilkan sisa utama dikenali sebagai Water Leach Purification (WLP) — satu bahan buangan radioaktif yang mengandungi torium dengan separuh hayat 14 bilion tahun.

Justifikasi kerajaan untuk membenarkan Lynas meneruskan operasi sehingga 2026 masih tidak berasas. “Dakwa bahawa Lynas boleh mengasingkan torium daripada sisanya dan menjadikannya tidak radioaktif adalah tidak kukuh dari segi saintifik dan teknikal. Tiada bukti yang diterbitkan atau data telus yang menyokong dakwaan tersebut. Malah Nuklear Malaysia telah mengesahkan bahawa tiada projek pengekstrakan torium sebegitu pernah dilaksanakan walaupun geran telah diperuntukkan,” kata Pengerusi SMSL, Tan Bun Teet.

Greenpeace Malaysia dan SMSL turut berpendapat bahawa usaha mengasingkan torium daripada WLP — yang mengandungi purata 1,758 bahagian per juta torium — adalah tidak praktikal dari segi ekonomi dan teknikal. Percubaan untuk mengekstrak torium daripada bahan suapan konsentrat lantanida pula boleh menjejaskan keberkesanan keseluruhan proses pengekstrakan nadir bumi, menjadikan alasan pembaharuan lesen yang diberikan kerajaan sebagai mengelirukan dan tidak disokong oleh sains yang sahih.

Gerakan masyarakat sivil tersebut turut menjelaskan bahawa krisis semasa berpunca daripada bertahun-tahun kelemahan peraturan, dasar yang berubah-ubah, dan naratif bercanggah. Lesen Lynas pada tahun 2012 mewajibkan syarikat itu mengeluarkan sisa radioaktif dari Malaysia sekiranya perlu, namun komitmen tersebut semakin diketepikan melalui beberapa pembaharuan lesen dan perubahan dasar. Pada 2014, Lynas mencadangkan untuk mengitar semula sisa radioaktifnya sebagai produk sampingan industri, namun cadangan itu ditolak oleh kerajaan pada 2018 atas faktor keselamatan. Pada 2019, kerajaan mengarahkan operasi Cracking and Leaching yang menghasilkan sisa radioaktif dipindahkan ke Australia menjelang 2023, namun keputusan itu dibatalkan secara tiba-tiba pada Oktober 2023, membenarkan Lynas meneruskan operasi sehingga 2026.

Dalam tempoh tersebut, Lynas beberapa kali mengubah naratifnya daripada mendakwa sisanya boleh dikitar semula dengan selamat, kepada mendakwa ia cukup selamat untuk dilupuskan seperti sisa pepejal biasa yang ditolak oleh pakar dan tidak pernah disahkan melalui penilaian saintifik bebas. “Walaupun bertahun-tahun penentangan awam dan syarat dasar yang jelas, Lynas terus beroperasi tanpa akauntabiliti yang mencukupi dan tanpa penyelesaian sisa yang terbukti. Malaysia berhak mendapat hala tuju ekonomi yang bersih, selamat dan adil — bukan yang dibina atas sisa radioaktif dan janji yang tidak ditepati,” kata Ketua Kempen Greenpeace Malaysia, Heng Kiah Chun.

Greenpeace Malaysia dan SMSL bersama-sama menggesa kerajaan supaya menolak pembaharuan lesen Lynas pada 2026 dan melaksanakan semula komitmen asal untuk memindahkan operasi Cracking and Leaching ke Australia Barat. Mereka turut menyeru agar kajian saintifik yang bebas, telus dan menyeluruh dijalankan terhadap kesan alam sekitar dan kesihatan daripada pengurusan sisa Lynas, serta agar data pemantauan masa nyata didedahkan kepada umum. Kedua-dua organisasi turut mengulangi tuntutan lama bahawa Lynas mesti dipertanggungjawabkan terhadap komitmen lesen 2012 untuk mengeluarkan sisa radioaktifnya dari Malaysia dan menghantarnya kembali ke tapak asal di Mt Weld, Australia Barat, di mana sisa tersebut boleh disimpan dengan lebih selamat mengikut syarat geologi yang sesuai.

- TAMAT -

Foto tersedia di [sini](#) ©Greenpeace.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan media, sila hubungi:

Andre Edward, Juru Kempen Komunikasi dan Penglibatan Greenpeace Malaysia,,
andre.edward@greenpeace.org, 014-365 3465

Yvonne Nathan, Pengurus Penglibatan Bersepadu Greenpeace Malaysia,
yvonne.nathan@greenpeace.org, 017-6628 306